

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR@YUSRE
BIN MOHD AKIN**

SOALAN

DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah graduan IPTA dan IPTS yang menamatkan pengajian pada tahun 2020 dan apakah pelan serta langkah strategik oleh pihak KPT dalam membantu meningkatkan kebolehpasaran graduan pasca pandemik COVID-19 yang turut berhadapan dengan persaingan dalam penerokaan peluang pekerjaan yang baik memandangkan peningkatan kadar pengangguran akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2020, dianggarkan seramai 300,000 graduan Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) dijangka akan menamatkan pengajian.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil langkah strategik untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan lebih-lebih lagi dalam situasi pasca pandemik COVID-19. Antaranya adalah melalui program dengan izin, “career advancement” atau PENJANA KPT-CAP. Program ini memfokuskan kepada tiga bidang utama, iaitu “Place and Train”; Keusahawanan Berterusan; dan Ekonomi Gig.

Terdapat juga usaha-usaha lain yang diperkenalkan. Antaranya adalah KPT dengan kerjasama Pertubuhan Kebajikan Sosial

(PERKESO) turut melaksanakan program padanan pekerjaan kepada graduan. Graduan-graduan yang berdaftar di Portal MyFutureJobs akan dipadankan dengan kekosongan jawatan di syarikat-syarikat yang berdaftar melalui portal tersebut. Sehingga 24 November 2020, sejumlah 192,186 graduan telah mendaftar untuk dipadankan dengan kekosongan perjawatan di dalam portal tersebut dan sejumlah 36,122 graduan telah mendapat penempatan.

Di samping itu, KPT juga menumpukan kepada usaha untuk menggalakkan pelajar terlibat dalam bidang keusahawanan. Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 – 2025 yang sedang dimuktamadkan akan menjadi dokumen rujukan utama bagi pengukuhan agenda keusahawanan di IPT. Sepanjang tahun 2016 – 2019, seramai 49,983 orang pelajar telah menjalankan perniagaan dalam tempoh pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,148 orang graduan masih meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan selepas tamat pengajian.

Dalam konteks menyediakan ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan di IPT, KPT dengan kerjasama TEKUN Nasional telah memperkenalkan skim pembiayaan mikro KPT-MEDAC:Siswapreneur. Skim ini menawarkan pembiayaan bernilai sehingga RM5,000, khusus bagi graduan yang masih dalam pengajian untuk memula dan mengembangkan perniagaan. Sejumlah RM20 juta telah diperuntukan oleh TEKUN Nasional dengan sasaran pembiayaan kepada 20,000 pelajar.

Program EntreprenuerMOHE@PUNB pula telah dilaksanakan dengan kerjasama Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Program latihan jangka pendek ini memberikan penekanan kepada kemahiran pengurusan; bimbingan teknikal bagi Pemasaran Digital; serta BizKonsultansi berbentuk khidmat nasihat berkaitan perniagaan daripada PUNB. Sebagai permulaan, 500 graduan akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan program ini.

Sekian, terima kasih.